

12/02/2003

Ada teater di IB tidak layak dipentaskan: Khalid

KHALID Salleh suatu nama yang tidak asing dalam dunia teater Malaysia adalah salah seorang daripada tiga penggiat teater Melayu sepenuh masa negara ini dan sangat cergas menghidupkan teater tanpa mengenal erti kekalahan.

Anak kelahiran Sungai Kantan, Kajang, memulakan teater jalanan sambil menjual ubat di kaki lima Jalan Masjid India pada 1972 dan tiketnya pada masa itu ialah membeli ubat-ubatan jualannya, kemudiannya meneroka dunia teater secara bersungguh-sungguh bersama Anak Alam pada 1975.

Penggiat teater yang setia menghidupkan dunia teater tanah air dengan produksinya dan menonton teater orang lain dengan memastikan tiket dibeli bukannya percuma, sudah menggarap 25 skrip termasuk Bertam Bertam Bukan Semambu, Si Bereng-Bereng, Kena Main, Pandirnya Si Pandir dan Umbut Mayang Mengurai.

Tidak ketinggalan beliau menghasilkan 10 skrip drama televisyen, lebih 100 puisi, kumpulan puisinya Bukan Apa-apa dan skrip dramanya Kena Main diterbitkan manakala sejumlah lirik lagu tulisannya pernah dinyanyikan Koprata, Ibno Riza dan Herman Tino.

Skrip terbarunya, Teh Tarik, yang asalnya ditulis untuk filem dipindahkan ke teater atas permintaan penerbit, Raja Azmi Raja Sulaiman dan akan dipentaskan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dari 28 Mac hingga 11 April ini.

Khalid pernah berkhidmat sebagai pemuzik dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP) pada 1970-an dan meninggalkan pekerjaan itu selepas tiga bulan demi menjayakan hasratnya untuk menjadi anak seni tulen. Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, Salbiah Ani, bersama seniman ini.

Soalan (S): Apa komen Khalid kepada pihak tertentu yang mengatakan teater tempatan masih mengharap subsidi?

Jawapan (J): Apakah orang yang mementaskan teater di Istana Budaya (IB) tidak mengharap subsidi. Siapa yang membayar mereka?

S: Ada yang mengatakan kumpulan teater di London mampu mengadakan persembahan sekali pun mereka beroperasi sepenuhnya secara swasta dan tiada konsep subsidi sama sekali. Mengapa kumpulan teater tempatan tidak dapat melakukan seperti ini?

J: Jangan munafik. Tradisi teater di Convent Garden, London, sudah kukuh sekali pun pada 1920 ketika saya belum dilahirkan. Mengapa teater tempatan dibandingkan dengan London. Tradisi teater mereka sudah berapa lama. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelesaikan masalah ekonomi negara tanpa mengambil bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Pegawai yang diamanahkan dengan kecemerlangan teater sepatutnya bertindak jujur kepada orang teater.

S: Bagaimana dengan kenyataan mutu teater boleh menjamin kehadiran khalayak?

J: Mutu satu daripadanya. Profesionalisme satu perkara. Pegawai IB selalu bercakap mengenai profesionalisme tetapi apakah mereka menggunakannya di IB. Jika betul mengapa taraf teater yang mutunya lebih rendah daripada Pekan Teater boleh dipentaskan di IB? Apakah mereka melalui tapisan profesionalisme?

S: Apa maksud Khalid apabila mengatakan taraf teater yang mutunya lebih rendah daripada Pekan Teater boleh dipentaskan di IB?

J: Ada teater di IB memang tidak layak dipentaskan di situ. Saya tidak

mahu cakap. Orang ini ada `kabel' dengan orang atasan. Orang yang diberi tanggungjawab menjalankan profesionalisme. Kenapa tidak menggunakan profesionalisme untuk mengukur dan lebih akur dengan tuntutan pihak atasan. Bila Khalid `menyalak', mereka patut fikirkan kenapa?. Bukan kerana IB tidak memberi peluang kepada saya. Saya tak teringin pun untuk membuat pementasan di IB.

S: Seperti marah dengan IB?

J: IB dibina dengan duit rakyat. Saya sebahagian daripada rakyat. Saya berhak bersuara bila saya rasa ada sesuatu yang tidak kena di IB. Orang yang bertanggungjawab di IB seharusnya lebih jujur menjalankan amanah.

S: Ada pihak yang berpendapat orang yang mengkritik IB tidak berpandangan jauh?

J: Saya berpandangan jauh. Sebab itu saya kritik. Saya berharap IB bukan setakat cantik dari segi fizikal. IB adalah lambang kemegahan teater di Malaysia. Ia antara yang terbaik di dunia. Kita megah dengan bangunan tetapi tidak dengan apa yang kita hasilkan daripada bangunan itu.

S: IB pernah memaklumkan bahawa tujuh persembahan tempatan di IB tidak mampu mengatasi laba yang dibawa daripada dua persembahan dari luar negara. Komen Khalid mengenai perkara ini?

J: Sejauh ini apakah kita benar-benar jujur membina tradisi teater di Malaysia. Saya nampak apa yang berlaku hanya bermusim. Kita ambil contoh kereta nasional. Peringkat awal pengeluarannya, ia kerap menjadi bahan ejekan. Sekarang kita sudah mempunyai tradisi pengeluaran kereta. Bermula dengan Proton, kita berkembang ke Perodua. Keyakinan orang ramai kepada kereta nasional meningkat.

S: Jadi apa yang patut dilakukan?

J: Apa salah kita adakan program perintis. Teater yang benar-benar mantap kita bawa ke merata negeri. Teater terbaik di Malaysia perlu ditaja oleh KKKP. Kita tidak boleh buat perbandingan dengan London. Mereka sudah membina tradisi berteater ratusan tahun dulu. Di Malaysia orang yang pegang ijazah tidak berani `turun ke padang' secara profesional. Lebih selamat duduk sebagai pegawai! Saya marah sebab mereka berpaksakan kepada teori.

S: Ada pihak yang mengatakan kita mahu berteater tetapi kita tidak tahu memasarkannya?

J: Saya yakin dan berpegang kepada prinsip bahawa benih yang baik jika jatuh ke laut akan menjadi pulau. Orang awal yang menyaksikan teater yang baik akan memaklumkan kepada mereka yang belum menyaksikannya.

S: Saya kerap menyaksikan banyak pementasan teater yang sukar mendapatkan khalayak dan untuk mengisi setengah dewan pun sukar. Komen Khalid mengenai perkara ini?

J: Usia KKKP sama dengan kemerdekaan negara. Apa yang sudah kementerian lakukan untuk membina khalayak teater?.

S: Mengapa Khalid mengatakan KKKP tidak memberi sokongan kepada orang teater?

J: Kementerian sedar di luar ada orang teater yang bergiat secara sepenuh masa dan sambilan. Bila kementerian ada keghairahan menjadikan teater sebagai satu budaya, kenapa tidak kumpulkan orang ini untuk berbincang dan mengambil tahu apa yang berlaku. Saya sendiri ketika mementaskan Pandirnya Si Pandir pada 2002 dan berusaha membawa ke semua negeri. Saya hanya dapat mementaskannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis dan Sabah kerana tidak mendapat kerjasama daripada sesetengah pejabat kebudayaan dan kesenian (PKK). Saya hanya meminta mereka menyediakan makan minum dan penginapan saja. Pementasan di Sabah dapat dilaksanakan kerana kerjasama daripada Universiti Malaysia Sabah. PKK memberi pelbagai alasan termasuk tiada peruntukan. Macam mana teater mahu berkembang. Sepatutnya PKK mengalu-alukan kerana orang teater sudah

melaksanakan sebahagian daripada tugas mereka.

S: Pernahkah Khalid menggunakan khidmat pengurusan acara dalam usaha memastikan tiket teater terbitan saudara dapat dijual dengan baik?

J: Saya sudah ada pasukan bekerja sendiri. Saya uruskan bahagian kreatif manakala Dinamis Teater Services menjaga pengurusan. Sejauh ini saya dapat bekerja baik dengan mereka.

S: Sepanjang pementasan teater terbitan Khalid, pernahkah tiket dapat dijual semuanya?

J: Jualan tiket yang baik saya nikmati ketika mementaskan Si Bereng-Bereng pada 1995. Tiket dijual pada harga RM10 dan RM5 untuk pementasan makan makan di Pusat Dagangan Dunia Putra. Sebelas malam berikutnya persembahan berlangsung di Panggung Bandaraya lama. Teater Kena Main yang dipentaskan pada 1998 turut mencatat jualan tiket yang baik.

S: Ada yang mengatakan persembahan kumpulan teater tempatan malu untuk ditonton. Tidakkah ini menghina. Komen Khalid berhubung perkara ini?

J: Mana lebih baik antara menghina dan menyumbang? Menyumbang ke arah membina teater atau sekurang-kurangnya idea. Dalam segala hal, jiwa penjajah masih menebal dalam diri kita dan kita selalu melihat yang dari luar lebih baik. Kita tidak melihat muka kita di cermin. Kita lupa berapa lama negara luar itu sudah membina tradisi teater. Di Eropah sejak dari zaman Rome iaitu 3,000 tahun sebelum Nabi Isa dilahirkan. Di London mereka membina khalayak teater sejak ratusan tahun dulu.

S: Apakah ini bermakna kita tidak mempunyai keupayaan?

J: Kita bukan tidak ada keupayaan ke arah itu tetapi harus mendapat sokongan semua pihak. KKKP dan Kementerian Pendidikan harus bersama membina khalayak. Teater harus bangun. Bukannya terbabit dalam teater hanya apabila tidak ada haluan hidup. Sepatutnya teater dibina daripada peringkat sekolah. Saya tidak nampak usaha ini di Malaysia. KKKP perlu menjalankan projek perintis dan dari sini kita membina khalayak.

S: Projek perintis yang bagaimana itu?

J: Mengadakan sayembara menulis skrip teater dan yang terbaik dipentaskan. Kumpulkan orang teater yang serius. Dari sini kita bina khalayak dan asuh profesionalisme dalam teater. Kita jadikan ia sebagai model. Dari sini kita bawa ke seluruh negeri.

S: Tidakkah kita sudah ada Pekan Teater?

J: Pekan Teater hanya memilih juara. Bermusim sifatnya dan naskhah yang dipentaskan juga boleh dipersoalkan. Tamu Bukit Kenny sememangnya karya Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Usman Awang, tetapi apakah karya realisme ini membawa pemikiran kontemporari? Mungkin boleh diadaptasi untuk membawa pemikiran kontemporari tetapi khalayak sudah biasa dengan imej asalnya. Mengapa tidak pilih naskhah terbaik daripada sayembara dan beri tanggungjawab mementaskannya kepada orang yang serius dalam teater. Seperka lagi, Pekan Teater untuk orang yang baru belajar dan belum teruji dalam kerja teater dan kesungguhan. Orang teater mahu diberi peluang untuk mengarah dan menghidupkan naskhah yang menang dalam sayembara. Akar umbi teater tidak ada. Tiba-tiba mereka mahu pokok teater.

S: Bagaimana dengan pendekatan meletakkan mereka yang ada nilai 'bintang' dalam pementasan teater untuk menambat khalayak?

J: Pendekatan ini pernah dicuba dalam program Drama Sebak tetapi akhirnya orang yang minat dalam bidang ini melihat dengan jelas tidak semestinya selebriti boleh berlakon. Pertama kali orang datang untuk melihat cara mereka berlakon dan hanya itu sekali. Biarlah kita membina tradisi teater dengan analogi yang jelas.

S: Apakah segala kemelut teater di Malaysia dapat diatasi?

J: Seperti saya katakan tadi, kita tidak membina tradisi teater. Justeru adakan sayembara menulis naskhah teater. Pilih naskhah teater terbaik dan berikan tugas mementaskannya kepada yang bersungguh untuk mengangkat

budaya teater di Malaysia dan bukannya kerana jawatan atau ijazah mereka. Keupayaan, kesungguhan, ketrampilan dan kreativiti. Ini yang patut dijadikan model. Persembahan naskhah yang sama itu perlu berterusan. Baru ada kesinambungan. Dari sini rangsang kreativiti orang baru yang berminat mendekati teater. Kita kena ingat, teater bukan satu kerja main-main walaupun ia bermain. Seniman Bujang Lapuk mengapa mendapat tempat hingga hari ini. Kebersahajaannya. Sekali pun ia dibuat dalam serba kekurangan. Kita masih menonton meski pun sudah menyaksikannya berpuluh kali.

S: Apakah naskhah terbaik menjamin pementasan yang baik?

J: Naskhah yang baik tidak menjamin persembahan yang baik kerana ia bergantung kepada ketrampilan bermain dan daya kreativiti pengarahannya.

S: Mengapa penggiat teater sukar mendapat bantuan sekalipun daripada KKKP mahupun JKK?

J: Jiwa dan kasih pegawai kepada budaya tidak ada. Ya, mereka orang kerajaan tetapi sepatutnya turut mewakili orang teater. Kita nak bangunkan tradisi teater. IB tiada khalayak tetapi apa yang kita buat untuk membinanya.

S: Sekiranya diberi peluang mengadakan persembahan teater di IB?

J: Saya lebih rela mengambil peruntukan itu untuk mengadakan persembahan teater di seluruh Malaysia.